

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KELAB INSTUN KALI KE - 24

30 Mac 2026 - Mesyuarat Agung Tahunan Kelab INSTUN Kali Ke-24 telah diadakan di Dewan Kuliah Utama (DKU) INSTUN dengan kehadiran warga INSTUN serta barisan jawatankuasa kelab. Program tahunan ini menjadi wadah penting dalam memperkukuh hubungan silaturahim selain membincangkan hala tuju serta perkembangan aktiviti kelab bagi tahun semasa.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Naib Yang Dipertua Kelab INSTUN, Sr. Zakaria bin Abdullah diikuti dengan ucapan perasmian yang telah disempurnakan oleh Ybrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Dalam ucapannya, beliau menzahirkan penghargaan kepada semua ahli kelab atas komitmen dan kerjasama yang berterusan dalam menjayakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun. Beliau turut menekankan kepentingan semangat berpasukan serta penglibatan aktif ahli dalam memastikan kelab terus relevan dan berdaya saing.

Agenda mesyuarat diteruskan dengan pengesahan minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu untuk pengesahan oleh ahli. Perbincangan berjalan dengan lancar apabila ahli memberikan maklum balas serta cadangan penambahbaikan secara konstruktif. Seterusnya, laporan tahunan kelab dibentangkan, merangkumi pelaksanaan aktiviti, pencapaian serta penglibatan ahli sepanjang tempoh yang lalu. Laporan kewangan turut dibentangkan secara telus bagi memastikan semua ahli mendapat gambaran jelas mengenai kedudukan kewangan kelab.

Mesyuarat turut membuka ruang kepada ahli untuk mengemukakan usul dan cadangan baharu demi memperkukuhkan lagi fungsi serta peranan kelab pada masa hadapan. Perbincangan yang berlangsung mencerminkan komitmen ahli dalam memastikan kelab terus aktif dan memberi manfaat kepada semua warga INSTUN.

Diharapkan segala keputusan dan perancangan yang telah dipersetujui akan dapat dilaksanakan dengan berkesan demi kemajuan kelab serta kesejahteraan seluruh warga INSTUN.



